

KEPIMPINAN, PRESTASI MASJID, DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI MENURUT AL-QURAN DAN HADITH

Mohd Rozaini Mohd Rahim¹, Mahazan Abdul Mutalib, Abdullah Haji Abdul Ghani,
Muhammad Hashim, Wan Mohd. Fazrul Azdi Wan Razali, Mohamad Zaharuddin
Zakaria, Nisar Mohammad Rahmad, Azman Ab. Rahman
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia
zainiummah@yahoo.com

ABSTRAK

Masjid sentiasa dirujuk sebagai pusat perkembangan Tamadun Islam. Disebalik kekuatan bukti-bukti dari Al-Quran dan Hadith mengenai kewajipan mema'murkan Masjid, institusi Masjid di Malaysia dilihat sebagai kurang berupaya untuk membangun masyarakat Islam. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengkaji tiga skop utama institusi Masjid di Malaysia atau (1) Kepimpinan Masjid, (2) Prestasi Masjid, dan (3) Pembangunan Komuniti. Dalil-dalil Al-Quran dan Hadith dijadikan sebagai sumber utama bagi mendefinisikan tiga skop di atas. Hasil analisis dibandingkan dengan fenomena institusi Masjid di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi analisis teks menerusi (1) Dalil Al-Quran dan Hadith, dan (2) Dapatan kajian lampau mengenai prestasi masjid, kepimpinan masjid, dan pembangunan komuniti di Malaysia. Hasil kajian mendapati keutuhan institusi Masjid menerusi dalil Al-Quran dan Hadith hanya boleh berlaku apabila sekurang-kurangnya empat konsep utama atau (1) Taqwa, (2) Solat dan Sujud, (3) Pengharapan, dan (4) Mujahadah, terpupuk dengan sempurna di dalam diri masyarakat Islam. Kajian juga mendapati kurang penekanan kepada empat aspek di atas boleh menjadi faktor utama kepada keruntuhan kualiti kepimpinan dan prestasi masjid di Malaysia. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana analisis dapatan kajian lampau mendapati masjid-masjid di Malaysia lebih menekankan kepada aspek penganjuran aktiviti secara rutin dan pembangunan masjid secara fizikal. Kajian ini mengusulkan, aspek-aspek peningkatan ruhiyyah masyarakat Islam yang mengandungi empat elemen di atas harus di jadikan kayu ukur utama prestasi pemimpin institusi masjid di Malaysia.

Kata Kunci: Prestasi Masjid, Kepimpinan Masjid, Pembangunan Komuniti

PENDAHULUAN

Masjid merujuk perkataan asal arab iaitu 'sajada' 'yasjudu' dan 'sujudan' yang menyatakan tentang peribadatan, khusyuk, taat dan patuh dengan penuh hormat dan takzim. Oleh yang demikian, masjid merupakan tempat untuk melakukan aktiviti ibadah dengan patuh kerana Allah.

¹Pelajar Sarjana, Sarjana Dakwah dan Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Corresponding Author. Tel.: +6019-9464741. Alamat E-mail: zainiummah@yahoo.com

أَحَدًا لِلَّهِ مَعَ تَدْعُوًّا فَلِلَّهِ الْمَسْجِدُ وَأَنَّ

Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapaupun bersama-sama Allah. (Al-Quran. Al-Jin 2:18)

Terdapat tiga masjid yang menjadi keutamaan kepada seluruh umat Islam di dunia. Masjid-masjid ini dijanjikan ganjaran oleh Allah apabila berkunjung dan menunaikan solat di dalamnya iaitu (1) Masjid Al-Haram di Makkah (2) Masjid Nabawi di Madinah dan (3) Masjid Al-Aqsa di Palestin. Rasulullah s.a.w bersabda:

“Janganlah kamu pergi melakukan ziarah, kecuali ketiga masjid iaitu Masjid Al-Haram, masjidku ini (Masjid Nabawi), dan Masjid Al-Aqsa.” (Hadith Bukhari dan Muslim)

Rasulullah s.a.w juga ada bersabda yang diriwayatkan oleh Jabir r.a bahawa satu sembahyang di masjidku lebih afdhal daripada 1000 sembahyang di masjid-masjid yang lain kecuali Masjid Al-Haram di Makkah dan satu sembahyang di Masjid Al-Haram pula lebih afdhal daripada 100, 000 sembahyang di masjid-masjid yang lain. (Hadith)

MAKSUD SUJUD

Sujud membawa maksud dan makna yang pelbagai seperti yang dinyatakan di dalam Al-Quran.

الْكَافِرِينَ مِنْ وَكَانَ وَأَسْتَكْبَرُوا إِلَىٰ إِبْلِيسَ إِلَّا فَسَجَدُوا لِآدَمَ وَسَجَدُوا لِلْمَلَائِكَةِ قُلْنَا وَإِذْ

Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada malaikat: "Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam". lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia enggan dan takbur, dan menjadilah ia dari golongan yang kafir. (Al-Quran. Al-Baqarah 2:34)

Pertama, ayat ini menyatakan tentang sujud oleh malaikat kepada Adam sebagai kelebihan yang ditetapkan oleh Allah kepada Adam. Ia sebagai tanda penghormatan Malaikat terhadap ciptaan-Nya iaitu Adam.

Kedua, sujud juga menunjukkan tanda insaf atau sedar dari kejahilan. Dengan demikian, perlakuan sujud itu menzahirkan kebesaran Allah setelah mendapatkan hidayah dan kebenaranyang disampaikan oleh Rasul, pendakwah, guru-guru dan alim ulama.

وَمُوسَىٰ هَارُونَ رَبِّهِمْ أَمَّا قَالُوا سُجَّدًا لِلسَّحَرَةِ فَاَلْفَيْ

(Nabi Musa pun mencampakkan tongkatnya yang terus menelan segala benda sihir mereka), maka keadaan yang demikian menjadikan ahli-ahli sihir itu segera merebahkan diri sujud sambil berkata: "Kami beriman kepada Tuhan yang mengutus Nabi Harun dan Nabi Musa" (Al-Quran. Thaha 20:70)

Ketiga, sujud merupakan sunnah alam kepada setiap ciptaan Allah yang terdiri daripada langit, bumi, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Setiap ciptaan alam ini sujud kepada Allah.

يَسْجُدَانِ وَالشَّجَرُ وَالنَّجْمُ

Dan tumbuh-tumbuhan yang melata serta pohon-pohon kayu-kayan, masing-masing tunduk menurut peraturannya. (Al-Quran. Al-Rahman 55:6)

BUMI SEBAGAI TEMPAT SOLAT

Rasulullah s.a.w bersabda:

وَجَعَلْتُ لِي الْأَرْضَ مَسْجِدًا وَطَهْرًا، فَأَيُّمَا رَجُلٍ مِنْ أُمَّتِي أَدْرَكَتْهُ الصَّلَاةُ فَلْيَصِلْ

Dan dijadikan bumi itu bagiku sebagai masjid dan suci. Maka setiap orang daripada umatku yang tiba padanya waktu solat maka bersolatlah. (Hadith. Al-Bukhari. Jil. 1)

Jelas di sini bahawa umat Islam disyariatkan untuk menunaikan solat walau di mana sahaja berada. Ini kerana setiap pelusuk bumi yang diciptakan Allah ini adalah sesuai untuk mendirikan solat.

Di dalam riwayat yang lain juga, Rasulullah bersabda:

وَأَيْنَمَا أَدْرَكَتْكَ الصَّلَاةُ فَصَلِّ فَهُوَ مَسْجِدٌ

Dan di mana sahaja kamu berada ketika masuknya waktu solat maka dirikanlah solat di tempat tersebut kerana ia adalah masjid. (Hadith. Sahih Muslim. Jil. I#1)

SEJARAH MASJID

Masjid telah mengharungi pelbagai revolusi dalam seni binanya dan peranannya kepada masyarakat Islam dan agama Islam itu sendiri. Menyoroti sejarah akan kepentingan masjid adalah dengan pembinaan masjid Quba' ketika Rasulullah s.a.w dalam perjalanan hijrah ke Madinah pada tahun pertama Hijrah (622 M.) atau tahun ke-13 kenabian baginda. Masjid ini adalah masjid yang pertama yang dibina oleh Rasulullah s.a.w. Masjid Nabawi pula dibina ketika Rasulullah ketika sampai di Madinah dan merupakan masjid yang kedua yang dibina oleh Rasulullah s.a.w

Namun, masjid yang pertama sekali dibina di muka bumi Allah ini adalah Masjid Al-Haram yang dibina oleh Nabi Ibrahim a.s serta anaknya Nabi Ismail a.s. Di sini lah bukti akan kepentingan masjid kepada masyarakat Islam dan agama Islam.

﴿الْعَلِيمُ السَّمِيعُ أَنْتَ إِنَّا نَسْتَقْبِلُ رَبَّنَا وَإِسْمَاعِيلُ الْبَيْتِ مِنَ الْقَوَاعِدِ إِبْرَاهِيمَ رَفَعُوهُ إِذْ﴾

Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); Sesungguhnya Engkau Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui; (Al-Quran. Al-Baqarah. 2:127)

AL-QURAN DAN MASJID

Apabila membicarakan tentang masjid yang dinyatakan di dalam Al-Quran, Allah telah mengungkapkan dua ungkapan yang berkaitan yaitu masjid dan yang keduanya *bayt*.

Perkataan masjid telah dinyatakan di dalam Al-Quran sebanyak 28 kali, iaitu 22 kali dalam bentuk tunggal dan 6 kali dalam bentuk *jama'*. (Muhammad Fuad Abdul Baqi, 2001) Ayat-ayat tersebut adalah:

Al-Baqarah 2:114, Al-Baqarah 2: 144, Al-Baqarah 2: 149, Al-Baqarah 2: 150, Al-Baqarah 2: 187, Al-Baqarah 2: 191, Al-Baqarah 2: 196, Al-Baqarah 2: 217, Al-Maidah 5: 2, Al-A'raf 7: 29, Al-A'raf 7:31, Al-Anfal 8: 34, At-Taubah 9:7, At-Taubah 9:17, At-Taubah 9:18, At-Taubah 9:19, At-Taubah 9:28, At-Taubah 9:107, At-Taubah 9:108, Al-Isra' 17:1, Al-Isra' 17:7, Al-Kahfi 18:21, Al-Hajj 22:25, Al-Hajj 22:40, Al-Fath 48: 25, Al-fath 48:27, Al-Jin 72:18

Pernyataan ayat tentang masjid di dalam Al-Quran banyak membicarakan tentang Masjid Al-Haram iaitu sebanyak 15 kali. Setiap ayat yang dinyatakan tentang Masjid Al-Haram ini membicarakan tentang sejarah pembinaannya, pembangunan, kedudukan, fungsi serta adab ketika berada di dalam masjid.

Ini bermaksud, Masjid Al-haram adalah masjid yang paling terbaik yang dinyatakan oleh Allah dari sudut pengurusannya. Masjid Al-Haram sepatutnya dijadikan contoh oleh seluruh masjid di dunia supaya mencapai standart yang dinyatakan oleh Allah. Dengan demikian juga, Masjid Al-Haram menjadi qiblat umat Islam ketika menunaikan solat atas dasar kesatuan ummat Islam.

Bagi kata *bayt* pula, Allah menyatakan di dalam Al-Quran sebanyak 69 kali dan 15 kali khusus kepada Masjid Al-Haram sahaja. Ianya meliputi perbincangan tentang sejarah pembinaannya oleh Nabi Ibrahim a.s dan Nabi Ismail a.s yang penuh dengan adab dan keadilan dalam peribadatannya. Ia juga meliputi pelaksanaan haji. Ia juga membicarakan tentang masjid adalah tempat keamanan tanpa persengketaan.

﴿١٦﴾ لِلْعَالَمِينَ وَهُدًى مُّبَارَكًا بَيْكَةً لِلَّذِي لِلنَّاسِ وَضِعَ بَيْتًا وَلِإِنَّ

Sesungguhnya rumah ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah yang di Makkah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia. (Al-Quran. 96)

﴿١٧﴾ أَلْعَالِمِ السَّمِيعِ أَنْتَ إِنَّا نَكُنَّا قَبْلَ رَبِّنَا وَإِسْمَاعِيلَ الْبَيْتِ مِنَ الْقَوَاعِدِ إِبْرَاهِيمَ يَرْفَعُ وَإِذْ

Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); Sesungguhnya Engkau Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui; (Al-Quran. 127)

﴿١٨﴾ لِيُعَلِّمَ إِبْرَاهِيمَ إِلَى وَعَهْدًا مُصَلًّى إِبْرَاهِيمَ مَقَامٍ مِنْ وَأَخَذُوا وَأَمَّا لِلنَّاسِ مَثَابَةَ الْبَيْتِ جَعَلْنَا وَإِذْ

﴿١٩﴾ السُّجُودِ وَالرُّكُوعِ وَالْعُكُوفِ لِلطَّائِفِينَ بَيْتِي طَهْرًا أَنْ وَإِسْمَ

Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan rumah suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang. dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjid Al-Haram dari segala perkara

yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, dan orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya), dan orang-orang yang rukuk dan sujud".(Al-Quran. 125)

PERANAN MASJID PADA ZAMAN RASULULLAH

Secara khasnya, peranan masjid adalah untuk membentuk jiwa manusia menjadi hamba yang khusyuk, tawadu' dan taat kepada Allah. Masjidlah tempat membina ketaqwaan kepada Allah s.w.t dengan pelbagai aktiviti ibadah di dalamnya. Membina jati diri dengan penuh keimanan kepada Allah.

لَهُمْ لَا رَجَالٌ ﴿٣٦﴾ وَالْأَصَالِ بِالْغَدُوفِ بِهَا لَهُ يُسَبِّحُ اسْمَهُ فِيهَا وَيُذَكَّرُ تَرْفَعُ أَنْ اللَّهُ أَذِنَ بِيُوتِ فِي
وَالْأَبْصَارُ الْقُلُوبُ فِيهِ تَتَقَلَّبُ يَوْمَ مَا خَافُونَ الزُّكُوفَ وَإِيتَاءِ الصَّلَاةِ وَإِقَامِ اللَّهِ ذِكْرٍ عَنْ بَيْعٍ وَلَا تَجْرَةً ۗ



(Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang. (36) (Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan. (Al-Quran. 37)

Pada awal penghijrahan baginda di Madinah, beliau telah menetap di rumah Abu Ayyub dan setelah itu membina Masjid Nabawi. Jelas di sini, pembinaan masjid adalah untuk membentuk satu komuniti baik antara ansar dan muhajirin. Namun yang paling utama adalah menjadikan masjid sebagai tempat pembinaan taqwa kepada Allah s.w.t.(Sohirin M. Solihin, 2008). Firman Allah Taala yang bermaksud: "Jangan engkau sembahyang di Masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya Masjid (Qubaa' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam Masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin). (Al-Quran. At-Taubah 9:108). Ayat ini boleh disimpulkan sebagai peranan utama masjid yang dibina pada hari ini seharusnya berdasarkan taqwa iaitu untuk diimarahkan dan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti yang dapat meningkatkan keimanan kepada Allah dengan menjadikan setiap aktiviti adalah ibadah. Kesedaran inilah yang perlu disampaikan oleh institusi masjid kepada seluruh umat Islam agar matlamat pembentukan taqwa akan lahir dalam diri masyarakat Islam.

Masjid Nabawi merupakan masjid yang dibina oleh Rasulullah s.a.w ketika sampai di Madinah. Ia dibina di atas tapak kebun kurma. Pembinaannya berasaskan batang pohon kurma sebagai tiang, pelepah kurma sebagai atap dan batu besar sebagai pintu gerbang. (Hadith. Anas bin Malik. Sahih Muslim: #816) Wujudnya Masjid Nabawi di Madinah adalah sebagai asas persaudaraan Islam di antara Ansar dan Muhajirin.

Antara peranan Masjid Nabawi ketika itu adalah tempat untuk:

1. Menunaikan ibadah solat
2. Menyelesaikan masalah sosial umat Islam
3. Perbincangan meningkatkan ekonomi Islam
4. Latihan ketenteraan dan persiapan alat-alat peperangan

5. Merawat tentera-tentera Islam yang tercedera ketika peperangan (Pusat rawatan/Hospital)
6. Perbicaraan sesuatu kes (Mahkamah)
7. Menyambut tetamu yang hadir dari luar Madinah
8. Meletakkan tawanan perang (Penjara)
9. Memberi penerangan tentang sesuatu isu atau permasalahan

Jelas di sini bahawa peranan Masjid Nabawi ketika itu dilaksanakan dengan penuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Selain itu, kerjasama antara pemimpin masjid (Rasulullah s.a.w) bersama masyarakat Islam (komunikasi dua hala) ketika itu menjadikan masjid sebagai sebuah institusi penting dalam menjadikan ia mercu tanda ikatan umat Islam.

Bagi masjid Quba' pula, Rasulullah s.a.w ketika itu menjadikannya sebagai tempat untuk menunaikan solat (peranan utama seluruh masjid) dan juga untuk menyampaikan khutbah serta membina halaqah-halaqah kecil dan bersoal jawab berkenaan urusan agama. Secara tidak langsung, institusi pendidikan di masjid telah terbina.

GANJARAN ORANG YANG MENGIMARAHKAN MASJID

﴿إِلَّا يَخْشَىٰ وَلَمْ آلْزَكَوَّةَ وَأَتَىٰ الصَّلَاةَ وَأَقَامَ الْآخِرَ وَالْيَوْمِ بِاللَّهِ آمَنَ﴾ مَنْ اللَّهُ مَسْجِدٍ يَعْمُرُ إِنَّمَا
 ﴿اللَّهُمَّ تَدِيرُ مَنْ يَكُونُوا أَنْ أَوْلَيْتِكَ فَعَسَىٰ اللَّهُ﴾

Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk. (Al-Quran. 18)

Iman adalah keyakinan yang di'itiqadkan dengan hati, melafazkan dengan lidah dan menzahirkan dengan perbuatan akan ajaran Rasulullah s.a.w. Allah s.w.t menyatakan bahawa orang yang memakmurkan masjid adalah orang yang beriman kepada Allah s.w.t. Sudah semestinya kemantapan iman dalam diri seseorang hamba Allah adalah hadiah dan ganjaran yang besar yang dikurniakan oleh Allah.

Rasulullah s.a.w ada menyatakan di dalam sebuah hadith bahawa Allah akan memuliakan orang yang sentiasa mengunjungi rumah Allah (masjid) serta mengimarahkannya. Dengan kata lain, Allah menaikkan darjat orang-orang yang menjadikan masjid sebagai tempat yang paling utama dikunjungi untuk beribadah. Tatkala dinaikkan darjat seseorang itu, maka Allah akan hilangkan segala musibah yang bakal menimpa seseorang hamba-Nya itu atas asbab mengimarahkan masjid.

إِنَّ بُيُوتِي فِي الْأَرْضِ الْمَسَاجِدِ وَإِنْ زُورَ فِيهَا عَمَارًا طَوْبَىٰ لِعَبْدٍ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ ثُمَّ زَارَنِي فِي بَيْتِي
 فَحَقَّ عَلَى الْمَزُورِ أَنْ يُكْرَمَ زَائِرُهُ

Sesungguhnya rumah-rumahku di bumi adalah masjid-masjid dan sesungguhnya mereka yang menziarahi-Nya adalah mereka yang mengimarahkannya, maka beruntunglah seseorang hamba yang membersihkan dirinya kemudian beliau menziarahi-Ku di rumah-Ku, maka menjadi kewajiban kepada yang diziarah untuk memuliakan mereka yang menziarahinya.

Rasulullah s.a.w dalam hadithnya yang lain bersabda:

وَمَا مِنْ رَجُلٍ يَتَطَهَّرُ فَيُحْسِنُ الطُّهُورَ، ثُمَّ يَعْبُدُ إِلَىٰ مَسْجِدٍ مِنْ هَذِهِ الْمَسَاجِدِ، إِلَّا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ بِكُلِّ خَطْوَةٍ
 يَخْطُوهَا حَسَنَةً، وَيَرْفَعُهُ بِهَا دَرَجَةً، وَيَخْطُ عَنْهُ بِهَا سَيِّئَةً

Tiadalah di kalangan lelaki yang bersuci dan memperelokkannya kemudian lelaki tersebut menuju ke masjid melainkan Allah mencatatkan kebaikan bagi setiap langkah yang dilalui, dan mengangkat darjatnya dan menghilangkan keburukan daripada dirinya.

Manusia diciptakan oleh untuk beribadah kepada Allah. Allah telah melantik manusia sebagai khalifah di muka bumi ini supaya menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah segala kemungkaran. Diberi oleh Allah akan ganjaran bagi hamba-Nya yang melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran serta sebaliknya diberi azab yang pedih kepada yang melakukan kemungkaran dan meninggalkan perkara kebaikan. Allah s.w.t telah menukulkan di dalam kitab-Nya tentang azab-azab yang dijanjikan dan azab Allah s.w.t itu sangatlah pedih. Dengan itu, Rasulullah s.a.w menyatakan di dalam hadith tentang pelepasan azab Allah s.w.t bagi orang-orang yang hatinya terikat dengan masjid.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ...
وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ (متفق عليه)

Daripada Abi Hurairah: Rasulullah s.a.w bersabda, tujuh golongan yang mendapat perlindungan Allah di hari tiada perlindungan kecuali perlindungan-Nya...dan seorang lelaki yang hatinya terikat dengan masjid.

Sesungguhnya, ganjaran yang besar akan dikurniakan oleh Allah kepada setiap hambanya yang hadir ke masjid dalam keadaan berjalan kaki. Perkara ini dinyatakan oleh baginda Rasul s.a.w di dalam Sahih Ibnu Majah mafhumnya:

Dari Anas bin Malik: Rasulullah s.a.w bersabda, “Berilah khabar gembira kepada orang-orang yang berjalani kegelapan untuk pergi ke masjid dengan (balasan) cahaya yang sempurna pada hari kiamat kelak.” (Hadith. Sahih Ibnu Majah: #0640)

Dari Abu Hurairah: Rasulullah s.a.w bersabda, “Orang-orang yang jauh dan yang lebih jauh dari masjid, maka pahalanya lebih besar.” (Hadith. Sahih Ibnu Majah. #0641)

Masjidlah bermulanya proses pentarbiahan keimanan yang membawa ketenangan kepada setiap pengunjung masjid. Allah berfirman:

﴿.....الْمُؤْمِنِينَ قُلُوبٍ فِي السَّكِينَةِ أَنْزَلَ الَّذِي هُوَ﴾

(Tuhan Yang membuka jalan kemenangan itu) Dia lah Yang menurunkan semangat tenang tenteram ke dalam hati orang-orang yang beriman (semasa mereka meradang terhadap angkara musuh).... (Al-Quran. Al-Fath 48:4)

Ketenangan adalah milik Allah dan Allah menganugerahkannya kepada sesiapa jua yang dikehendakinya. Namun, ketenangan hakiki lahir dari keimanan yang tulus kepada Allah s.w.t dan bukanlah ketenangan yang dibuat-buat atau ketenangan yang diusahakan melalui ubat-ubatan atau terapi moden kerana ia bersifat sementara dan tidak dapat memenuhi keperluan jiwa atau rohani yang sentiasa mencari-cari makna sebenar kehidupan. Persoalan dari mana dan ke mana akhirnya manusia sentiasa bermain di hati yang membuatnya gelisah. Hanya ketenangan hakiki yang lahir daripada iman yang dapat menyelesaikan persoalan-persoalan tersebut. Itulah janji Allah. Justeru, Allah s.w.t telah menjadikan wasilah-wasilah tertentu untuk mencapai ketenangan yang didambakan tersebut. Di antaranya Allah s.w.t menjadikan masjid sebagai ubat kepada jiwa. Sesiapa yang hadir ke masjid dijanjikan Allah s.w.t dengan ketenangan. Rasulullah s.a.w bersabda:

وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ، يُتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ، وَيَتَدَارَسُونَ بَيْنَهُمْ، إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ

Dan tiadalah berkumpul sesuatu kaum di dalam rumah-rumah Allah, kemudian mereka membacakan kitab Allah, dan bertadarus di kalangan

mereka, melainkan Allah akan menurunkan ketenangan ke atas mereka.
(Hadith. Sahih Muslim. Jil. 4:#2699)

Justru, peranan kita pada hari ini bukan sekadar menghadirkan diri ke masjid tetapi kita juga mempunyai peranan yang lebih besar iaitu mengajak lebih ramai umat Islam ke masjid supaya mereka semua turut merasai ketenangan dan nikmat iman kerana inilah jalan yang paling ampuh untuk menyelesaikan pelbagai masalah ummah pada hari ini. Apabila hati telah terikat dengan masjid, maka akan lahir ketakwaannya yang akan menjadi benteng seseorang daripada melakukan maksiat kepada Allah s.w.t.

PERMASALAHAN MASJID SEMASA DI MALAYSIA

Menyoroti perkembangan masjid di Malaysia, masjid-masjid di Malaysia berkembang dengan baik. Ini dibuktikan dengan peruntukan yang dibelanjakan oleh kerajaan bagi meningkatkan kualiti fizikal masjid serta penganjuran program masjid. Negeri Selangor sebagai contoh telah memperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Negeri Selangor 1989, seksyen 58 (1), memberi jaminan tentang peruntukan dan pembiayaan oleh pihak Majlis bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran masjid dapat diurus dengan baik untuk memenuhi keperluan ibadah umat Islam (Fidlizan, Mohd Yahya, Nurul Fadly, & Salwa Amirah, n.d.). Jabatan-jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan, masyarakat Islam Malaysia dan individu tertentu merupakan pihak yang terlibat dalam memastikan masjid berada di kedudukan yang tertinggi dan istimewa di mata masyarakat. Masyarakat bersatu padu bagi memastikan masjid sentiasa aktif dan sempurna. Keadaan ini menjadikan, masjid di Malaysia ini sentiasa mempunyai pasang surut dalam permasalahan. Sesuatu isu akan timbul secara bermusim dan ianya seperti roda yang sentiasa hangat untuk diperbincangkan. Apabila sesuatu permasalahan timbul, masyarakat Islam akan mengambil perhatian dan berlumba-lumba untuk memainkan peranan dengan memberikan pendapat secara kritis atau kreatif. Namun, apabila timbul permasalahan baru, permasalahan lama akan tenggelam. Kemudian, pada sesuatu masa akan datang, isu yang ditinggalkan akan muncul semula dan menjadi perdebatan umum kembali. Begitu lah isu masjid di Malaysia yang bermain dengan pasang surut dalam permasalahannya.

Oleh yang demikian, beberapa isu masjid telah dikenal pasti yang menjadi viral masyarakat Islam pada hari ini. Aspek pengurusan atau Kepimpinan Masjid dalam Memperkasakan Institusi Masjid sentiasa berkumandang di dada-dada akhbar, sidang parlimen dan diskusi intelektual. Semakin lama, isu pentadbiran dan pengurusan masjid semakin diperdebatkan untuk penambahbaikan. Jelas perkembangan semakin meningkat dari sudut sistematiknya pengurusan masjid di Malaysia. Kefahaman tentang bidang tugas perlu dipertingkatkan dan mengetahui batas-batas kuasa yang diperoleh (Utusan Malaysia, 2014). Institusi masjid perlu dijadikan institusi yang professional (Berita Harian, 2013). Dengan itu, Institusi masjid yang professional adalah yang mengamalkan system pengurusan yang sistematik serta teratur supaya objektif dan yang dibina tercapai (Roslan, 2008). Ciri-ciri masjid professional adalah (1) mempunyai pimpinan yang professional (2) keadaan fasiliti masjid yang professional (3) memiliki jamaah atau masyarakat Islam sekeliling yang professional dari segi kematangan pemikiran dan (4) perancangan serta pengurusan yang professional (Roslan, 2008). Golongan muda adalah golongan yang menjadi nadi ke arah kecemerlangan sesebuah institusi. Terdapat isu yang berkaitan jamaah tidak hadir ke masjid atau masjid lengang atau kehadiran masjid yang berkurangan. Saranan menjadikan golongan muda sebagai pimpinan masjid dilihat daripada sirah Rasulullah dan sejarah kebangkitan Islam. Saidina Ali, khalifah Islam ke-empat, merupakan individu yang mempunyai segala ciri-ciri kepimpinan Islam disamping merupakan golongan muda. Kata-katanya sangat dihormati, pendiriannya tetap dan pentadbirannya penuh dengan ketaqwaan kepada Allah. Dengan demikian, saranan ini telah dinyatakan oleh Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin agar golongan belia diambil perhatian untuk berada di dalam kepimpinan masjid (Mas Jamian, 2013). Keseimbangan antara golongan veteran dan belia di dalam institusi masjid, akan memberi kesan kepada pengimarah masjid. Dengan menjadikan golongan belia sebahagian daripada kepimpinan masjid, maka golongan belia akan tertarik dengan institusi masjid, program yang dianjurkan dan kuliah yang diadakan. Sekaligus gejala social yang berlaku pada hari ini akan berkurangan disebabkan masa yang dipenuhi oleh golongan belia adalah di masjid serta kefahaman Islam yang meningkat daripada program dan kuliah yang dianjurkan oleh masjid (Utusan Malaysia, 2012b).

Dalam tahun kebelakangan ini, masjid-masjid urban telah giat menjalankan aktiviti-aktiviti berpusatkan masjid. Target peserta bagi aktiviti-aktiviti berpusatkan masjid ini merangkumi semua umur dari golongan veteran, belia, remaja dan kanak-kanak. Malahan program ini mendapat sambutan setiap kali cuti sekolah terutama golongan belia. Begitu juga badan-badan korporat menjadikan program masjid sebagai aktiviti khidmat masyarakat. Oleh yang demikian, kem ibadah, kem tahfiz, ceramah, kuliah harian, kuliah mingguan, kuliah bulanan adalah aktiviti yang sangat serius yang melibatkan aspek peningkatan tahap kefahaman pendidikan agama masyarakat Islam. Selain itu, aktiviti gotong-royong, sukan masjid dan basikal masjid (Lokman Ismail, 2013), lawatan ke hospital, rumah kebajikan dan rumah anak yatim merupakan aktiviti kemasyarakatan dalam aspek kesihatan. Ini menjadikan masyarakat Islam khususnya dan agama Islam umumnya menitikberatkan aspek kesihatan supaya peribadatan menjadi semakin baik dan meningkat. Aktiviti jelajah masjid, memerlukan perancangan serta penilaitan objektif yang teliti dan besar. Kerjasama antara beberapa masjid amat penting supaya di antara masjid-masjid ini saling membantu supaya aspek pengurusan meningkat cemerlang. Maka tidak timbul persaingan yang tidak sihat di antara masjid dengan saling menjatuhkan pengurusan sesuatu masjid.

Aspek kewangan yang menjadi tunjang sesebuah organisasi adalah sangat penting supaya sesebuah organisasi tersebut dapat berjalan dengan baik bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Oleh yang demikian, cadangan menjadikan kawasan masjid sebagai pasar tani (Utusan Malaysia, 2012a) adalah salah satu penjana kewangan masjid. Namun, perkara ini perlu dikaji dari sudut hukum hakam supaya umat Islam dapat memahami konsep di antara rumah ibadah dan tempat awam.

Masjid Negara, Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Masjid Putra Putrajaya dan Masjid Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam merupakan pelopor dalam mempromosikan pelancongan masjid (Latifah, 2010). Ini menunjukkan bahawa seni bina dan budaya Islam adalah unik dan menjadi aspek kajian pihak-pihak tertentu. Dalam masa yang sama, masyarakat bukan Islam akan lebih tertarik dengan Islam dan dapat berdiskusi tentang agama Islam. Pelancongan masjid merupakan salah satu method dakwah kepada bukan Islam.

Penjana kewangan dapat membantu sesebuah organisasi bergerak dengan momentum yang mantap supaya mencapai objektif yang ditetapkan. Masjid merupakan salah satu organisasi yang dianggap professional dan memerlukan dana untuk melaksanakan aktiviti atau mempergiatkan lagi program-program yang akan dianjurkan. Koperasi Masjid (Fidlizan et al., n.d.) (Mustari & Jasmi, 2008) (*Seminar Antarabangsa Dakwah & Pembangunan Insan*, 2013) merupakan cadangan kerajaan dalam memastikan kelangsungan sesebuah institusi masjid. Dengan lahirnya koperasi masjid ini, masyarakat Islam dapat bersama-sama membantu dan menyumbang ke arah peningkatan pengurusan masjid di Malaysia.

Dana Masjid diperoleh daripada sumbangan masyarakat Islam, solat jumaat, dan juga peruntukan oleh pihak kerajaan atau syarikat-syarikat korporat). Antara peruntukan yang diberikan adalah untuk menaik taraf fizikal masjid. Perdana Menteri Malaysia antaranya telah memperuntukkan RM3 juta untuk pembinaan masjid di Santubong. Antara lain adalah peruntukan sebanyak RM191,400 pada ramadhan ini untuk menjalankan pelbagai aktiviti sepanjang ramadhan. Dengan demikian, sumber kewangan masjid seharusnya menjadi semakin baik dan dapat meningkatkan fasiliti masjid serta mempergiatkan aktiviti masjid.

Masjid merupakan pusat peningkatan pendidikan. Masyarakat yang berjaya adalah masyarakat yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam segala ilmu. Perpustakaan Masjid (Nor Azzah Momin, 2012) menjadi satu perkara yang sangat dititikberatkan oleh organisasi masjid ketika ini. Kelihatan seluruh masjid di Malaysia ketika ini telah pun mempunyai perpustakaan masjid secara rasmi atau tidak rasmi (sudut bacaan). Maka, objektif untuk menjadikan masjid sebagai pusat rujukan dan bacaan adalah semakin baik menurut perkembangan semasa ini.

Tidak ada organisasi yang tidak mempunyai isu dalam konteks pemilihan pemimpin. Organisasi masjid yang suci ini juga tidak terlepas daripada isu politik kepimpinan. Politik Masjid yang sentiasa berlaku di dalam organisasi masjid adalah Pilihan raya kepimpinan masjid. Di dalam prosese

pemilihan tersebut terdapat isu pilih kasih dan juga politik kepartian. Perkara ini amat sukar untuk ditangani kerana ia seperti menjadi akar atau nadi dalam sesebuah pemilihan kepimpinan organisasi. Namun atas dasar kepentingan masyarakat Islam, isu politik masjid ini dapat diselesaikan dengan berhemah.

Wakaf Masjid adalah salah satu sumber dana masjid. Wakaf menjanjikan setiap individu muslim memperoleh pahala hingga ke kehidupan di akhirat. Beberapa masjid di Malaysia telah menjalankan wakaf masjid ini. Kawasan masjid telah dijadikan pusat perniagaan yang diwakafkan. Maka dana wakaf tersebut dapat disumbangkan kepada masjid. Projek wakaf masjid ini perlu dipergiatkan supaya wakaf yang dianjurkan oleh Islam ini bermula daripada masjid sebagai pusat wakaf Islam.

KEPIMPINAN MASJID

Pemimpin bermaksud individu yang mempengaruhi pengikutnya untuk mencapai sesuatu objektif atau matlamat organisasi. Perbincangan tentang kepimpinan telah dibincangkan sejak dahulu lagi. Jenis-jenis kepimpinan yang menjadi tunjang teori kepimpinan adalah (1) Autocratic (2) Participative (3) Laissez-Faire (4) Transactional (5) Transformational. Pemimpin bagi institusi masjid merujuk kepada Imam. Oleh yang demikian, Imam adalah pemimpin yang perlu mempengaruhi pengikut (jamaah) supaya mencapai objektif yang ditetapkan dari sudut fizikal bahkan lebih lagi; rohani, akhlak.

Sejak akhir-akhir ini, kepimpinan transformational menjadi ciri-ciri kepimpinan yang amat diperlukan oleh masyarakat terutama masyarakat Islam terhadap kepimpinan transformational imam. Ini kerana, imam yang mempunyai ciri-ciri transformational ini adalah imam yang sentiasa mengambil berat terhadap jamaah iaitu sentiasa berkomunikasi dengan jamaah. Selain itu, transformational kepimpinan imam ini akan memberi motivasi kepada jamaah untuk mencapai objektif organisasi masjid. Kelompok-kelompok kecil dibentuk oleh transformational imam ini dalam menjalankan sesuatu task untuk mencapai objektif sesuatu goal. Kesimpulannya, kepimpinan ini menampakkan peranan imam yang bersama-sama memahami isu jamaah supaya keterikatan jamaah terhadap masjid semakin tinggi dan meningkatkan produktiviti masjid.

Mahazan dan Abdullah, 2011 telah mengkaji tentang sikap pemimpin yang mempengaruhi kelakuan pemimpin, fokus kepimpinan imam (Mahazan & Abdullah, 2011). Ini menunjukkan kepimpinan imam adalah isu yang penting bagi meningkatkan kecekapan kepimpinan masjid. Sesungguhnya ciri-ciri kepimpinan terhadap kelakuan pemimpin ini mempengaruhi antara satu sama lain. Seorang imam perlu mempunyai personaliti pemimpin, mempunyai pengetahuan agama yang luas serta mempunyai motivasi untuk memimpin jamaah mencapai objektif institusi masjid.

Penambahbaikan terhadap kepimpinan masjid semakin menjadi isu di dalam masyarakat Islam di Malaysia. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah melantik 11 pegawai eksekutif masjid bagi memantau pentadbiran institusi masjid. Pengetahuan agama yang mencukupi, pendedahan dalam pengurusan pentadbiran dan kursus selama sebulan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) adalah antara ciri-ciri dan siri latihan pegawai eksekutif masjid yang dilantik (Iftwan Tun Tuah, 2013)

Oleh yang demikian, institusi masjid akan menjadi lebih professional. Isu menjadikan masjid sebuah organisasi professional atau melantik individu professional di dalam masjid adalah perkara yang tidak banyak beza, yang menjadi perbincangan oleh kerajaan dan ahli akademik (Roslan, 2008)

Mahazan dan Abdullah menambah bahawa tahap pendidikan imam juga menjadi aspek kajian yang diharapkan mempengaruhi kecemerlangan kepimpinan masjid. Namun demikian, tahap pendidikan imam tidak mempengaruhi kelakuan imam. Ini kerana, walaupun imam mempunyai tahap pendidikan rendah, namun penguasaan kefahaman ilmu agama adalah amat tinggi. Pengalaman imam yang menjawat jawatan di masjid adalah kurang mempengaruhi kelakuan imam. Walaupun

imam kurang berpengalaman menjawat jawatan imam, namun mampu membentuk kelakuan yang baik dari personaliti pemimpin.

MASJID DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

Hubungkait antara institusi masjid dan pembangunan komuniti amat lah rapat. Bermula dari institusi masjid yang baik dan terurus, maka terbentuk lah satu komuniti yang baik yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Jaminan Allah amat jelas di dalam kalam-Nya tentang kebaikan yang diperolehi di dunia dan di akhirat bagi sesuatu pembentukan komuniti. (Al-Quran Al-Karim, Al-Baqarah 2, ayat 201; Al-Quran Al-Karim, Al-A'raf 7, ayat 156 dan Al-Quran Al-Karim, Al-Nahl 16, ayat 30). Dengan demikian, keperluan hablumminallah adalah menjadi kayu ukur yang jelas dalam pembentukan komuniti yang membentuk sifat ketaqwaan. Islam melarang sesama umat islam saling bermusuhan di antara satu sama lain dan juga memberi mudharat kepada orang lain. (Al-Quran. Al-Maidah, 5, ayat 2). Tanggjawab hablumminannas juga adalah satu bentuk pembentukan komuniti yang baik yang telah dijelaskan sebelum ini. Ini bermakna, pembentukan komuniti berasaskan taqwa mencakupi semua aspek kehidupan antara manusia sesama manusia dan manusia dengan Allah. Maka lahirlah satu tanggungjawab kepada setiap individu muslim untuk menjalankan peranan memperbaiki akhlak individu dan juga individu lain yang dinamakan islah. (Al-Quran Al-Karim, Hud 11, ayat 88; Al-Quran Al-Karim, Al-Hujurat 49, ayat 9-10)

Oleh itu, masjid seperti yang dimaklumi peranannya sejak zaman Rasulullah s.a.w mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membentuk komuniti ini (Sohirin M. Solihin, 2008). Semestinya peranan masjid adalah berasaskan Al-Quran dan As-Sunnah yang menjadi panduan sepanjang hidup masyarakat Islam. Pada hari ini, masyarakat Islam telah terbentuk dengan baik. Namun ianya semakin hakis disebabkan pengaruh teknologi, pembangunan, pemodenan, budaya barat dan juga kekangan masa yang menghambat kehidupan manusia. Masjid sebagai nadi perhimpunan umat manusia dalam setiap aktiviti keagamaan khususnya dan aktiviti kemasyarakatan amnya menjadi titik awal dalam mengembalikan satu komuniti Islam seperti di zaman Rasulullah s.a.w. umat Islam sentiasa mengambil tahu setiap permasalahan sesama umat Islam. Konsep membentuk komuniti yang baik ini telah diumpamakan oleh Rasulullah s.a.w seperti bangunan yang saling memperkuat antara sebahagian dengan sebahagian yang lain. Maka, Yusuf Al-Qardhawi menyarankan agar umat Islam mengamalkan konsep Ta'awun (saling tolong menolong), Tanashur (saling mendukung) dan Tarahum (saling berkasih-sayang) (Hj. Zulfahmi Lubis M.Ag, 2012). Ini lah yang dianjurkan oleh Allah s.w.t dan dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w sebagai usaha menjadikan komuniti Islam berada dalam keadaan yang baik. Oleh itu, peranan masjid dalam pembentukan komuniti ini amat diperlukan supaya masjid dapat dilihat secara langsung dalam setiap penyelesaian masalah masyarakat Islam di Malaysia.

Menyoroti konsep taqwa, solat dan sujud, pengharapan kepada Allah dalam semua perkara dan mujahadah adalah elemen yang terbentuk melalui masjid. Masyarakat islam yang hidup dalam keadaan harmoni adalah masyarakat yang berasaskan taqwa kepada Allah s.w.t. Mana mungkin setiap kali jumaat, khatib menyeru seluruh umat Islam ke arah pembentukan taqwa di dalam diri jamaah atau masyarakat Islam jika taqwa ini tidak menjadi asas dalam diri manusia malahan menjadi rukun di dalam khutbah jumaat. Di sini lah peranan masjid melalui khutbah jumaat membina asas komuniti yang baik yang dinyatakan Al-Quran.

Taqwa adalah sifat yang paling mulia di sisi Allah s.w.t. "Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)." (Al-Quran. Al-Hujurat. 49:13). Pembinaan sifat taqwa ini bermula dengan tertegaknya amalan solat. Perkara ini awal-awal lagi Allah telah nyatakan di dalam kitabnya iaitu: "Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang Yang (hendak) bertaqwa; iaitu orang-orang Yang beriman kepada perkara-perkara Yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan)

sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki Yang Kami berikan kepada mereka. (Al-Quran Al-Baqarah: 2:2-3)

Bermula dengan mujahadah yang bersungguh-sungguh akan melahirkan satu pengharapan yang tinggi kepada Allah. Tahap pengharapan itu lah menentukan tahap tujuan peribadatan (tahap keimanan kepada Allah) seseorang sama adapengharapan terhadap keredhaan Allah atau keampunan dosa-dosa yang telah dilakukan, "Dan (Dia lah) yang aku harap-harapkan supaya mengampunkan dosaku pada hari kiamat;" (Al-Quran. As-Syua'araa. 26:82), atau mendapat nikmat syurga Allah atau mati dalam keimanan dan sebagainya. Semuanya memerlukan mujahadah yang menjadi tunjang pembentukan taqwa seseorang insan. Said Hawa telah menyatakan bahawa bermujahadah adalah untuk mendapat petunjuk dari Allah ("Mujahadah Adalah Jalan Ke Arah Hidayah & Takwa Pada Nya," 2012) Perkara ini dinyatakan oleh Allah s.w.t yang bermaksud: "Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya." (Al-Quran. Al-Ankabut. 29:69).

Sangat jelas di sini perkaitan di antara empat elemen pembentukan individu berasaskan institusi masjid adalah bermula dari mujahadah dan hasilnya adalah semulia-mulia manusia di sisi Allah iaitu yang bertaqwa. Taqwa tidak boleh dibuat-buat atau dilakonkan, namun akan terbentuk atas dasar mujahadah, pengharapan dengan amalan solat (sentiasa sujud kepada Allah).

KESIMPULAN

Umat Islam pada zaman serba moden ini perlu seiring dalam membangunkan institusi masjid. Pembangunan masjid mestilah selaras dengan keadaan zaman dan mematuhi syariat yang ditetapkan oleh Allah dan rasul.

Oleh itu, umat Islam wajib memakmurkan masjid dengan solat berjamaah di masjid, beriktikaf seberapa kerap yang mungkin dan mengikuti kelas-kelas agama yang dianjurkan oleh pihak masjid untuk mempelejadi, memahami, dan menghayati ilmu Islam.

Pegawai-pegawai-pegawai masjid (imam, bilal, siak, noja) serta AJK masjid perlu proaktif dan kreatif dalam menyediakan pelbagai aktiviti, kemudahan dan bantuan untuk menarik minat masyarakat Islam terhadap masjid.

Selain itu, peranan media sangat penting dalam menarik minat masyarakat terhadap masjid. Media cetak dan media elektronik merupakan tumpuan masyarakat untuk mendapatkan maklumat, maka iklan-iklan yang berkaitan masjid boleh dijadikan agenda utama supaya masyarakat sedar akan peranan masjid dan berminat untuk menyumbang kepada masjid.

Seperti yang telah dinyatakan akan peranan masjid ketika zaman Rasulullah adalah untuk membincangkan isu masalah umat, maka masjid pada era ini perlu berperanan sebagai pusat komuniti. Imam-imam yang dilantik perlu mempunyai kemahiran psikologi supaya masyarakat melihat masjid sebagai tempat mengadu, menyelesaikan masalah dan meningkatkan taraf kehidupan yang lebih baik.

Orang bukan Islam telah berkembang maju dalam institusi kewangan di rumah-rumah ibadat mereka seperti gereja, kuil hindu dan kuil budha. Komitmen yang diberikan oleh mereka terhadap institusi rumah ibadat mereka sangat tinggi. Dengan itu, sebagai umat Islam yang dijanjikan oleh Allah akan ganjaran, dalam membangunkan ekonomi umat Islam, perlu aktif meningkatkan taraf kewangan masjid. Namun demikian, ia tidak memberi maksud masjid yang mempunyai dana yang banyak adalah masjid yang cemerlang. Masjid yang cemerlang adalah masjid mempunyai sumber kewangan yang kukuh, mantap dan istiqamah serta menjana kewangan tersebut untuk peningkatan kefahaman ilmu Islam seperti menyediakan program karnival Islam, kelas-kelas agama, kelas-kelas untuk ibu tunggal, bantuan kepada asnaf dan sebagainya.

RUJUKAN

Al-Quran

Fidlizan, M., Mohd Yahya, M. H., Nurul Fadly, H., & Salwa Amirah, A. (n.d.). Mobilasi “ Wang Jumaat ”: Membentuk Dana Usahawan Muslim. In *Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan* (pp. 1–18).

Hj. Zulfahmi Lubis M.Ag. (2012). *Kumpulan Fatwa Yusuf Qardawi* (Cetakan Pe.). Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd.

Ifwan Tun Tuah. (2013). Profesional Tadbir Masjid. *Berita Harian*. Seremban, Negeri Sembilan.

Latifah, H. (2010). *Ziarah Masjid di Malaysia Mosque Visits in Malaysia* (First., p. 249). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Lokman Ismail. (2013). Acara Berbasikal Dekatkan Masyarakat, Masjid. *Berita Harian*. Kajang, Selangor.

Mahazan, A. M., & Abdullah, A. G. (2011). The Influence of Leadership Traits Toward Leadership Behavior : A Preliminary Investigation on Imams at Kubang Pasu , Kedah Darul Aman. *'Ulum Islamiyah*, 6, 81–85.

Mas Jamian. (2013). Utamakan Belia dalam Pengurusan Masjid. *Berita Harian*. Bentong, Pahang.

Muhammad Fuad Abdul Baqi. (2001). *Al-Mu'jam Al-Mufahras li Alfadhzi Al-Quran Al-Karim*. Kaherah, Mesir: Darul Hadith.

Mujahadah Adalah Jalan Ke Arah Hidayah & Takwa Pada Nya. (2012). Retrieved from <http://serikandi-annur.blogspot.com/2012/10/mujahadah-adalah-jalan-kearah-hidayah-&-takwa-padaNya.html>

Mustari, I., & Jasmi, K. A. (2008). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. (M. Mohd Ismail & J. Kamarul Azmi, Eds.) (Pertama.). Skudai, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.

Nor Azzah Momin. (2012). MENGIMARAHKAN PERPUSTAKAAN MASJID. In *Persidangan Perpustakaan Masjid* (pp. 1–12).

Seminar Antarabangsa Dakwah & Pembangunan Insan. (2013). Bandar Baru Bangi, Selangor.

Sohirin M. Solihin. (2008). *Islamic Da'wah: Theory and Practice* (First Edit.). Kuala Lumpur: IIUM Press International Islamic University Malaysia.

Utusan Malaysia. (2012a). FAMA Kenal Pasti Tiga Masjid Untuk Projek Pasar Tani. *Utusan Malaysia*. Shah Alam, Selangor.

Utusan Malaysia. (2012b, November). Masjid Dampingi Remaja. *Utusan Malaysia*. Kota Kinabalu, Sabah.